

PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG



Civil Tigers : Juara Futsal SAF 2024

Ir. Ts. Fairus Azwan Azizan

Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SAF) 2024 UiTM Cawangan Pulau Pinang bagi pasukan futsal telah berlangsung pada 9 November 2024 yang lalu di mana ia disertai oleh 8 pasukan termasuk Pengajian Kejuruteraan Awam (PKA). Perlawanan ini berlangsung di gelanggang futsal kolej Zamrud di mana pada peringkat kumpulan, pasukan PKA menghadapi laluan mudah menentang PKM (1-1), PKE (3-1) dan PPT (5-0). Pasukan PKA menjadi johan kumpulan dan mara ke separuh akhir.



Pada peringkat separuh akhir, pasukan PKA berjaya menjinakkan lawan iaitu daripada Fakulti Sains Kesihatan (FSK) dengan jaringan 2 gol tanpa balas. Bagi aksi perlawanan akhir, pasukan PKA bertemu dengan Pengajian Kejuruteraan Kimia (PKK) apabila mereka juga layak setelah menewaskan PKE diperingkat separuh akhir.

Aksi peringkat akhir agak sengit diantara PKA dan PKK apabila sekadar seri 1-1 sehingga tamat permainan. Juara di tentukan dengan penentuan sepakan penalti. PKA sekali lagi menunjukkan aksi hebat apabila berjaya menundukkan PKK dengan jaringan 3 berbalas 1 seterusnya dinobatkan sebagai juara futsal SAF bagi edisi 2024.

Civil tigers (PKA) di bawah kendalian Ir Ts Fairus Azwan Azizan sebagai pengurus pasukan telah berjaya merangkul pingat emas untuk PKA. Tahniah diucapkan kepada para pemain, pegawai dan seluruh pasukan futsal PKA yang terlibat.

